



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD.5 (34)
Tarikh : 31 Mac 2024
Bersamaan : 20 Ramadhan 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8 TAHUN 2024

KADAR HARGA BUKU, DISKAUN DAN ROYALTI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar harga buku, diskaun dan royalti berkenaan penerbitan buku oleh Penerbit UMT.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kadar harga buku, diskaun dan royalti berkenaan penerbitan buku kali terakhir disemak adalah pada Januari Tahun 2020 yang terdapat dalam Dasar Penerbitan UMT Edisi Ketiga.



- 2.2 Penetapan kadar baharu harga buku, diskaun dan royalti oleh Penerbit UMT ini telah diluluskan oleh jawatan kuasa berikut:
- Jawatankuasa Induk Penerbitan UMT kali Kedua Bil. 1 Tahun 2023 pada 15 Disember 2023; dan
 - Jawatankuasa Penilaian Penjana Pendapatan (JPPP) UMT kali Ke-13 (Bil. 1/2024) yang bersidang pada 16 Januari 2024.

3. KADAR HARGA BUKU, DISKAUN DAN ROYALTI UMT

- 3.1 Penetapan kadar harga buku ditentukan oleh kiraan seperti berikut:

PENETAPAN KADAR HARGA BUKU BAHARU	
A.	Kos Overhead (Kos penilaian, kos penyuntingan dan honorarium)
B.	Kos Percetakan
C.	Kos Perkhidmatan (5% daripada Kos A dan Kos B)
	$\frac{A + B + C}{\text{Jumlah cetakan}} = \text{Jumlah Kos Tetap Per Naskhah}$ $\text{JKPTN} \times 2 = \text{Harga Buku}$ <p style="text-align: center;">(penggenapan ke RM terdekat)</p>

Jadual 1: Formula kiraan penetapan harga buku baharu

- 3.2 Bagi penerbitan dengan jumlah cetakan yang tinggi, harga lantai ditetapkan berdasarkan jumlah cetakan 500 naskhah.
- 3.3 Penerbit UMT boleh menentukan harga yang difikirkan munasabah berdasarkan kos-kos yang dikeluarkan.
- 3.4 Kadar royalti kepada pengarang ditetapkan kepada 15%.

3.5 Kadar diskaun adalah seperti berikut:

Perkara	Diskaun
Pengedar	Diskaun 40%
Pengarang/Potongan Vot	Diskaun 35%
<i>Dropship</i>	Diskaun 25%
Kempen Jualan	Diskaun 20%
<i>Walk in</i>	Diskaun 10%
Pembelian Melalui Pesanan Belian	Tiada Diskaun

Jadual 2: Kadar diskaun

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 16 Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)

6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
7. Fail